



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

PROTOKOL AM PENGEMBARA UMUM PEMBUKAAN SEMPADAN NEGARA MENGGANTIKAN INISIATIF LALUAN PERJALANAN LENGKAP VAKSIN (*VACCINATED TRAVEL LANE -VTL*) MELALUI PENGANGKUTAN UDARA ANTARA MALAYSIA DENGAN KEMBOJA, SINGAPURA DAN THAILAND

Sebagai usaha pembukaan sempadan negara secara berperingkat, inisiatif Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (*Vaccinated Travel Lane - VTL*) melalui pengangkutan udara telah dilaksanakan antara Malaysia dengan Singapura sejak 29 November 2021 serta dengan Kemboja dan Thailand sejak 15 Mac 2022. Inisiatif VTL ini telah berjaya meningkatkan jumlah pengendalian penumpang antarabangsa dan seterusnya membantu meningkatkan sektor pelancongan dan ekonomi negara. Sehingga 29 Mac 2022, sejumlah 115,646 pengembara dari Kemboja, Singapura dan Thailand telah memanfaatkan inisiatif ini.

Selari dengan keputusan Kerajaan supaya sempadan negara dibuka semula mulai 1 April 2022 serta pengumuman Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai Protokol Am untuk pengembara yang memasuki Malaysia mulai tarikh tersebut, Kementerian Pengangkutan ingin memaklumkan bahawa Protokol Am pengembara umum bagi pembukaan sempadan negara telah menggantikan inisiatif VTL melalui pengangkutan udara antara Malaysia dengan Kemboja, Singapura dan Thailand berkuat kuasa pada 1 April 2022. Oleh itu, pengembara dari negara-negara berkenaan yang tiba di Malaysia mulai tarikh tersebut hendaklah mematuhi protokol kesihatan di bawah Protokol Am pengembara umum yang ditetapkan oleh KKM sama seperti mana pengembara dari negara-negara lain.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Walau bagaimanapun, rundingan berhubung inisiatif VTL melalui pengangkutan udara dengan negara-negara yang masih belum membuka sempadan akan terus dilaksanakan oleh pihak Kementerian Luar Negeri secara *bilateral*.

Pengembara Umum

Berdasarkan Protokol Am bagi pengembara umum, **SEBELUM BERLEPAS**, pengembara dikehendaki:

- mendaftar dalam aplikasi MySejahtera;
- melengkapkan deklarasi perjalanan termasuk maklumat vaksinasi yang boleh diakses melalui ikon "Traveller" dalam MySejahtera;
- memuat naik keputusan ujian RT-PCR yang telah dilakukan 2 hari sebelum berlepas;
- melakukan verifikasi sijil digital vaksinasi COVID-19 melalui portal MySafeTravel di <https://mysafetravel.gov.my/> (bagi sijil digital vaksinasi COVID-19 yang dikeluarkan di luar negara);
- mempunyai perlindungan insurans COVID-19 dan pengembaraan bagi bukan warganegara.

SELEPAS KETIBAAN:

- Pengembara dikehendaki menjalani ujian RTK-Ag profesional sama ada di fasiliti kesihatan swasta di lapangan terbang antarabangsa atau di luar dalam tempoh 24 jam.
- Keputusan ujian RTK-Ag profesional akan diperolehi dalam aplikasi MySejahtera. Pengurusan kes positif dan negatif COVID-19 adalah seperti mana ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Pengembara daripada Singapura

Namun begitu, mengambil kira hasil perbincangan di antara Malaysia dan Republik Singapura mengenai situasi COVID-19 di negara masing-masing semasa lawatan kerja ke Kementerian Kesihatan Malaysia oleh Menteri Kesihatan Republik Singapura bersama delegasinya pada 23 Mac 2022, satu kenyataan bersama oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato Sri Ismail Sabri Yaakob dan Perdana Menteri Republik Singapura TYT Lee Hsien Loong, telah dikeluarkan pada 24 Mac bagi menyatakan persetujuan untuk membuka sempadan darat negara bagi individu lengkap vaksin.

Keputusan pembukaan **sempadan Malaysia dan Republik Singapura** juga turut melibatkan pembukaan sempadan udara. Protokol **SEBELUM BERLEPAS** bagi pengembara warganegara Malaysia dan Republik Singapura yang lengkap vaksinasi dan akan melalui pintu masuk udara kedua-dua negara adalah:

- menjalani ujian pengesanan RT-PCR atau RTK-Ag profesional yang dilakukan dua (2) hari sebelum berlepas;
- mendaftar dalam aplikasi MySejahtera;
- melengkapkan deklarasi perjalanan termasuk maklumat vaksinasi yang boleh diakses melalui ikon 'Traveller' dalam MySejahtera dan memuat naik keputusan ujian RT-PCR atau RTK-Ag profesional;
- melakukan verifikasi sijil digital vaksinasi COVID-19 melalui portal MySafeTravel di <https://mysafetravel.gov.my/> (bagi sijil digital vaksinasi COVID-19 yang dikeluarkan di luar negara)

SELEPAS KETIBAAN, pengembara daripada Singapura **tidak perlu** menjalani ujian COVID-19.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Dalam hubungan ini, pihak syarikat-syarikat penerbangan dan operator lapangan terbang antarabangsa negara akan membantu memastikan semua pengembara dari luar negara mendapat maklumat yang tepat dan memenuhi protokol kesihatan tersebut sebelum berlepas dan semasa ketibaan di Malaysia. Maklumat lanjut mengenai protokol kesihatan tersebut boleh didapati di laman web MySafeTravel di <https://www.mysafetravel.gov.my/>.

Kerajaan ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Kerajaan Kemboja, Republik Singapura dan Thailand atas kerjasama erat yang telah diberikan dalam menjayakan inisiatif VTL serta berharap pembukaan semula sempadan Malaysia mulai 1 April 2022 akan meningkatkan kesalinghubungan antara Malaysia dengan negara-negara terbabit di samping turut memanfaatkan dan memberi impak positif kepada ekonomi ketiga-tiga negara berkenaan.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

BORDER OPENING GENERAL PROTOCOL FOR COMMON TRAVELLERS TO REPLACE VACCINATED TRAVEL LANE (VTL) BY AIR INITIATIVE BETWEEN MALAYSIA AND CAMBODIA, SINGAPORE AND THAILAND

As an effort to open the country's borders by stages, the Vaccinated Travel Lane (VTL) by air initiative has been implemented between Malaysia and Singapore since 29 November 2021, as well as Cambodia and Thailand since 15 March 2022. The VTL initiative has successfully increased the handling of international passengers and subsequently, improved the travel industry and the country's economy. As of 29 March 2022, 115,646 travellers from Cambodia, Singapore and Thailand have benefited from this initiative.

In line with the Government's decision to reopen the borders from 1 April 2022 and the announcement by the Ministry of Health regarding the General Protocol for travellers who enter Malaysia, beginning from the same date, the Ministry of Transport would like to inform that the Border Opening General Protocol for common travellers will replace the VTL by air initiative between Malaysia and Cambodia, Singapore and Thailand, beginning 1 April 2022.

Hence, travellers from these countries who arrive in Malaysia beginning 1 April will have to follow the health protocol under the General Protocol for common travellers set by MOH, just like travellers from other countries.

For countries which have yet to reopen their borders, the Ministry of Foreign Affairs will continue bilateral discussions with them on the VTL initiative.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

According to the General Protocol for common travellers, **BEFORE DEPARTURE**, travellers need to:

- register in the MySejahtera app;
- complete a declaration of their journey, including their vaccination information, that can be accessed via the “Traveller” icon in MySejahtera;
- upload their RT-PCR test result that was undertaken two days before departure;
- verify their COVID-19 digital vaccination certificate through the MySafeTravel portal at <https://mysafetravel.gov.my/> (for COVID-19 digital certificates issued overseas);
- non-citizens need to have COVID-19 insurance coverage when travelling to Malaysia.

UPON ARRIVAL:

- Travellers are required to take a professional RTK-Ag test at a private health facility either at the international airport or an external facility within 24 hours.
- The professional RTK-Ag result can be obtained from the MySejahtera app. Positive and negative COVID-19 cases will be handled according to the health protocols as prescribed by MOH.

However, considering the outcome of the discussion between Malaysia and Singapore regarding the COVID-19 situation in both countries during the working visit by the Singapore Minister of Health and his delegation to the Ministry of Health on 23 March 2022, a joint statement had been issued by Prime Minister YAB Dato Sri Ismail Sabri Yaakob and Singapore Prime Minister His Excellency Lee Hsien Loong on 24 March to announce the agreement to opening the countries' borders for fully vaccinated individuals.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

The decision to open the **borders of Malaysia and Singapore** also involves the opening of air borders. The protocol **BEFORE DEPARTURE** for fully vaccinated Malaysians and Singaporeans who are entering both countries via flight are:

- undergo RT-PCR or professional RTK-Ag test two days before departure;
- register with MySejahtera app;
- complete the declaration for their journey, including vaccination information that can be accessed via the “Traveller” icon in MySejahtera and upload their RT-PCR or professional RTK-Ag test result;
- verify COVID-19 digital vaccination certificate through the MySafeTravel portal at <https://mysafetravel.gov.my/> (for COVID-19 digital certificates issued overseas).

UPON ARRIVAL, travellers are **not required** to undergo COVID-19 testing.

Airlines and international airport operators will ensure that all travellers from overseas receive accurate information and adhere to the health protocol before their departure and upon arrival in Malaysia. For more information on the health protocol, visit the MySafeTravel portal at <https://mysafetravel.gov.my/>.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

The Government would like to thank the governments of Cambodia, Republic of Singapore and Thailand for their cooperation in making the VTL initiative a success and we hope the reopening of Malaysia's borders from 1 April 2022 will increase connectivity and bring positive impacts to the economy of Malaysia and these three countries.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
31 MAC 2022

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel 1800-88-7723
Fax +603 8892 0208
E-mail aduan@mot.gov.my